

ISTILAH BOTANI DAN KAITANNYA DENGAN BUDAYA DAN PEMIKIRAN MELAYU DALAM CERITA LIPUR LARA

*THE TERM OF BOTANICAL AND ITS RELATION
TO MALAY CULTURE AND THOUGHT IN FOLK TALES*

Suriati ZAKARIA*¹

Mohd Zaki ABDUL LATIFF²

Neni Kartini CHE MOHD RAMLI³

¹SMK Jengka Pusat, Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang, Malaysia

²Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Malaysia

³Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Malaysia

g-76159011@moe-dl.edu.my

mohdzaki@uitm.edu.my

neni@uitm.edu.my

Corresponding author*

Received: 16th July 2024

Accepted: 20th October 2024

ABSTRAK

Dalam tradisi lisan, penggunaan istilah botani bukan berlaku secara sembarangan. Pemilihannya banyak berkait dengan kegunaannya dalam kehidupan masyarakat Melayu. Di samping itu, pemilihan istilah botani ini mengungkap budaya dan cerminan masyarakat Melayu itu sendiri. Namun begitu, hingga kini, belum ada penulisan yang meneliti peristilahan berkaitan botani ini dalam tradisi lisan, khususnya yang terdapat dalam cerita lipur lara Melayu. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti, mengklasifikasikan, dan menganalisis istilah botani dalam cerita lipur lara Melayu. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan menghuraikan fungsi botani itu dan mengungkapkan nilai falsafah dan akal budi masyarakat Melayu. Pendekatan kualitatif digunakan untuk memperoleh data daripada teks-teks terpilih. Analisis kajian dikategorikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama melibatkan penyenaian istilah botani dengan padanan istilah botaninya. Bahagian kedua melibatkan analisis berdasarkan tiga disiplin ilmu: disiplin perhutanan (silvologi), budaya Melayu, dan perspektif Islam. Hasil kajian menunjukkan bahawa peristilahan botani dalam cerita lipur lara Melayu memainkan peranan penting dalam memperkaya konteks budaya dan naratif ini. Kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada ilmu linguistik Melayu, tetapi juga mencatat falsafah mengenai peri pentingnya botani dalam naratif sastera tradisional. Implikasi penelitian ini adalah untuk memperkayakan pemahaman kita tentang peristilahan yang berkaitan dengan botani serta hubung kaitnya dengan alam semesta dan akal budi Melayu.

Kata kunci: peristilahan; botani; budaya Melayu; perspektif Islam

ABSTRACT

In the oral tradition, the use of the botany term does not occur randomly. Its selection has a lot to do with its use in the life of the Malay community. In addition, the selection of these botany terms reveals the culture and reflection of the Malay community itself. However, until now, there has not been any writing that examines the terms related to this botany in the oral tradition, especially those found in Malay folktale stories. The main purpose of this study is to identify, classify, and analyze the terms of the botany names in Malay folktale stories. In addition, this study also aims to explain the function of the botany and reveal the philosophical and culture values of the Malay community. A qualitative approach was used to obtain data from selected texts. The analysis of the study is categorized into two parts. The first part involves listing plant terms with their corresponding scientific terms. The second part involves analysis based on three scientific disciplines: forestry discipline (silvology), Malay culture, and Islamic perspective. The results of the study show that the terminology of botany in the Malay folktale story plays an important role in enriching the cultural context and narrative. This study not only contributes to Malay linguistic knowledge, but also notes the philosophy of the importance of botany in traditional literary narratives. The implication of this research is to enrich our understanding of botany related to plants as well as their connection with the universe and the Malay culture.

Keywords: terminology; botany; Malay culture; Islamic perspective

Pengenalan

Peristilahan merupakan bidang ilmu yang mengkaji berkaitan istilah dan hal-hal yang bersangkutan dengan istilah. Bidang ini juga berkaitan dengan pelabelan dan penentuan konsep dalam sesuatu bidang yang mempunyai matlamat untuk pendokumentasian dan peningkatan penggunaannya dengan tepat. Istilah ini sama ada terdiri daripada kata atau frasa, simbol grafik, singkatan inisial, atau akronim dan notasi (Kasdan et al., 2020). Istilah yang melibatkan tumbuh-tumbuhan yang wujud dalam tradisi lisan seperti cerita lipur lara tidak terkecuali daripada aspek peristilahan ini. Tambah menarik lagi, sejak awal kehidupan, masyarakat Melayu dikelilingi oleh tumbuh-tumbuhan (Karim, 2000). Sifat botani itu sendiri sangat indah dan mempunyai ciri-ciri daya tahan untuk sebuah kehidupan (Busu, 2003). Kewujudannya yang melatari cerita bukan sahaja kerana berada di sekeliling watak, tetapi juga menggambarkan budaya, falsafah, dan akal budi Melayu.

Sejak zaman dahulu hingga kini, masyarakat mencipta istilah dengan mengambil kira pengalaman yang dilalui setiap hari. Pengalaman ini pula terhasil daripada interaksi mereka dengan alam sekeliling. Penciptaan istilah ini bukan hanya bersifat peniruan sahaja, tetapi turut menukilkan rumus tertentu yang dapat dijelaskan dalam pelbagai bidang ilmu (Kasdan et al., 2017). Sorotan kajian terdahulu menunjukkan bahawa pelbagai aspek telah diteliti dalam bidang peristilahan ini. Aspek berkaitan dengan sains kesihatan (Mohamad et al., 2020), istilah dalam bidang saintifik (Zubir & Md Daud 2014), dan covid-19 (Kasdan et al., 2020) tersedia untuk dibaca dan difahami oleh khalayak. Sementara dari aspek kajian sikap pengguna terhadap istilah bahasa Melayu telah diteliti oleh Ahmad (2006), fesyen (Amirul Razin et al., 2017), rempah ratus (Margareta et al., 2022), dan undang-undang (Ahmad et al., 2020). Namun begitu, masih belum ada kajian yang meneliti istilah berkaitan botani dalam tradisi lisan. Sehubungan itu, kajian ini dilihat penting kerana boleh menjadi suatu rakaman sosiobudaya tentang istilah botani dalam masyarakat Melayu dahulu, khususnya yang terakam dalam cerita lipur lara.

Latar Belakang Penyelidikan

Para linguist telah menyingkap bidang ilmu berkaitan peristilahan yang berkaitan dengan dunia Melayu dari pelbagai dimensi dan menggunakan pelbagai data. Sekadar mengangkat beberapa sarjana yang menulis berkaitan dengan peristilahan dalam bahasa Melayu, maka penulisan ini membahagikan kajian lepas kepada dua kategori, iaitu aspek peristilahan berkaitan sains dan aspek peristilahan berkaitan sains sosial. Aspek peristilahan yang berkaitan dengan sains telah dimuatkan dalam empat penulisan. Kajian Abdul Ghani dan Darois (2001) menggunakan pendekatan preskriptif. Kajian ini menggunakan data teks yang dihasilkan secara terancang, iaitu teks DBP dan teks Fajar Bakti. Kedua-dua teks yang terlibat berkaitan buku-buku dalam bidang sains. Zubir dan Md Daud (2014) melihat penggunaan istilah bahasa Melayu dengan mengenal pasti dan menyenaraikan perbezaan istilah saintifik dalam bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris. Mohamad (2016) juga meneliti berkaitan pemilihan takrif kamus istilah berdasarkan kebolehterimaan istilah perubatan dalam kalangan pengguna. Rumusan kajian Hasnah Mohamed ini mendapati lebih ramai pengguna memilih takrif bahasa Melayu berbanding bahasa Inggeris. Keadaan ini berlaku lantaran takrif bahasa Melayu lebih banyak dan selalu digunakan dalam pertuturan, berbanding takrif bahasa Inggeris. Dalam penulisannya yang lain, Mohamad et al. (2020) turut melihat pembentukan istilah oleh pengguna dalam teks umum bahasa Melayu. Namun begitu,

penulisan Hasnah Mohamad et al. ini meneliti daripada dimensi ilmu bidang perubatan sains. Sementara itu, Kasdan et al. (2020) juga membicarakan Covid-19 dalam korpus peristilahan bahasa Melayu. Dengan mengekalkan analisis sosioterminologi, Kasdan et al. menggunakan teks kenyataan akhbar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai data kajian. Sebanyak 143 istilah dikenal pasti telah digunakan secara aktif oleh pihak KKM dan istilah-istilah ini telah dibandingkan dengan istilah Dewan Bahasa dan Pustaka.

Penulisan dari aspek peristilahan sains sosial telah dibahaskan oleh Ahmad (2006). Halimah menggunakan sebuah buku bertajuk *Pengurusan Organisasi* sebagai data kajian. Sebanyak 148 istilah telah diambil daripada buku tersebut untuk dijadikan data. Kajian Halimah melibatkan 18 orang responden yang dinilai sikap bahasanya terhadap istilah dalam buku tersebut. Dapatan kajian Halimah bertentangan dengan cadangan dalam Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu yang menyatakan cadangan terakhir dalam proses pembentukan istilah, ialah peminjaman istilah bahasa Inggeris. Responden dalam kajian Halimah memihak kepada istilah pinjaman, iaitu bahasa Inggeris. Junaini et al. (2014) mencadangkan kaedah alternatif untuk membentuk padanan istilah, iaitu dengan menggunakan pendekatan sosioterminologi. Kajian berkaitan dengan pembentukan istilah bahasa Melayu telah dilakukan oleh Mat Dehan et al. (2014). Kajian Asrul Azuan ini mencadangkan lima gerak kerja yang diformulakan sebagai '5P'. penjelasan 5P itu merangkumi aktiviti seperti penggubalan, pengesahan, penyelarasan, pamanuskripan, dan penyebaran.

Kajian Amirul Razin et al. (2017) tertumpu kepada bidang fesyen dengan mengenal pasti terma 'fashion' yang tidak dapat diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan menganalisis terma bahasa Inggeris yang telah diubah ke bahasa Melayu. Dari aspek fonologi dan ortografi, morfologi, dan maklumat etimologi dalam kamus Thomas Bowrey (1701) telah diteliti oleh Othman (2019). Ahmad et al. (2020) turut memperkatakan peristilahan bahasa Melayu yang wujud dalam teks undang-undang. Teks yang dimaksudkan ialah Akta Kesalahan Seksual terhadap kanak-kanak 2017, iaitu Akta 792. Dapatan kajian menjelaskan bahawa berlakunya penyempitan dan peluasan makna yang melibatkan kelima-lima istilah baharu yang wujud dalam akta tersebut. Margareta et al. (2022) mengkaji peristilahan rempah dalam masakan tradisional Dayak Kerabat. Melalui 14 jenis masakan tradisional, ditemukan 27 istilah yang berkaitan rempah ratus.

Berdasarkan kajian terdahulu, belum ada kajian khusus tentang istilah botani. Selain itu, data daripada tradisi lisan seperti cerita lipur lara masih belum dikaji daripada aspek peristilahan. Melalui kelompongan tersebut, maka kajian ini akan menelusuri istilah botani yang terdapat dalam cerita lipur lara Melayu lantaran keberadaan istilah tersebut bukan hanya sekadar istilah tetapi turut merangkumi budaya, nilai, dan yang falsafah di dalamnya. Namun begitu, kajian peristilahan yang berkaitan dengan botani dan menggunakan data teks cerita lipur lara Melayu masih tidak dilakukan oleh mana-mana pengkaji. Selari dengan itu, maka kajian ini mengambil kira kelompongan yang wujud dengan melihat istilah botani yang wujud dalam teks cerita lipur lara Melayu sebagai datanya.

Objektif Kajian

Penulisan ini bertujuan untuk mengenal pasti, mengklasifikasikan, dan menganalisis istilah botani yang terdapat dalam ketiga-tiga teks cerita lipur lara Melayu. Selain itu, kajian ini juga bertujuan menghuraikan fungsi botani itu dan mengungkapkan nilai falsafah dan akal budi masyarakat Melayu yang terangkum dalam pemilihan penggunaan istilah botani tersebut.

Metodologi Kajian

Kajian ini bersifat kualitatif dan melibatkan kaedah analisis dokumen. Data kajian diambil daripada sebahagian teks cerita lipur lara yang telah dibukukan (Osman, 2007). Dalam teks cerita lipur lara ini terdapat lima buah cerita yang didokumenkan, iaitu Cerita Seri Rama, Cerita Malim Dewa, Cerita Malim Deman, Cerita Anggun Cik Tunggal, dan Cerita Raja Muda. Namun begitu, untuk kajian ini hanya tiga teks yang terpilih untuk diambil datanya, iaitu Cerita Seri Rama, Cerita Malim Deman, dan Cerita Raja Muda. Ketiga-tiga teks yang wujud dalam keadaan salinan keras telah dijadikan salinan lembut sebelum diproses dalam perisian Atlas.ti bagi melihat kekerapan kewujudan botani yang ada dalam ketiga-tiga teks. Temu bual turut dilakukan untuk mendapatkan maklumat budaya masyarakat Melayu dahulu. Beberapa istilah botani dipilih berdasarkan kekerapan tertinggi untuk dianalisis berdasarkan data daripada cerita lipur lara Melayu itu. Kaedah deskriptif digunakan untuk meneliti, membincangkan, dan menganalisis istilah botani terpilih yang terdapat dalam data. Huraianya dibincangkan daripada aspek etnobotani dan kaitannya dengan budaya.

Dapatan dan Perbincangan

a. Padanan nama tempatan dengan nama botani dalam cerita lipur lara Melayu

Nama nama botani ialah binomial yang terdiri daripada dua perkataan, iaitu nama genus dan epitet spesies. Huruf pertama nama genus ditulis dengan huruf besar dan untuk epitet spesies, huruf pertama ditulis dengan huruf kecil (Saidin, 2020). Berikut merupakan padanan nama tempatan dengan nama botani dalam cerita lipur lara Melayu.

Jadual 1: Pokok Saka

Bil.	Nama tempatan	Nama botani
1.	Pinang	<i>Aceca catachu</i>
2.	Meranti	<i>Shorea bracteolata</i>
3.	Pauh / Mempelam	<i>Mangifera indica</i>
4.	Nyiur gading	<i>Cocos nucifera</i>
5.	Campa/cempaka	<i>Magnolia champaca</i>
6.	Angsana	<i>Pterocarpus indicus</i>
7.	Kepayang	<i>Pangium endule</i>
8.	Tualang	<i>Koompassia excelsa</i>
9.	Beringin	<i>Ficus benamina</i>
10.	Cendana	<i>Santalum album</i>
11.	Pulai	<i>Alstonia macrophylla</i>
12.	Duku	<i>Lancium domesticum</i>
13.	Nangka	<i>Artocarpus heterophyllus</i>

Jadual 2: Pokok Renek (Buah)

Bil.	Nama tempatan	Nama botani
1.	Pisang	<i>Musa sp</i>
2.	Bemban	<i>Donax grandis</i>
3.	Selasih	<i>Ocimum basilicum</i>
4.	Nanas	<i>Ananas comosus</i>
5.	Petola	<i>Luffa aegyptica</i>
6.	Betik	<i>Carica papaya</i>
7.	Anggur/Zabib	<i>Vitis spp</i>
8.	Delima	<i>Punica granatum</i>

Jadual 3: Pokok Renek (Sayur)

Bil.	Nama tempatan	Nama botani
1.	Terung	<i>Solanum melongena</i>
2.	Maman	<i>Cleome gynandra</i>
3.	Bayam	<i>Amaranthus gangeticus.</i>
4.	Keladi	<i>Caladium sp</i>

Jadual 4: Pokok Renek (Herba)

Bil.	Nama tempatan	Nama botani
1.	Sirih	<i>Solanum melongena</i>
2.	Kunyit	<i>Curcuma longa</i>
3.	Ganja	<i>Cannabis sativa</i>
4.	Gambir	<i>Uncaria tomentosa</i>
5.	Tembakau	<i>Nicotiana tabacum</i>
6.	Serai	<i>Cymbopogon ambiguus</i>
7.	Kesumba	<i>Carthamus tinctorius</i>
8.	Capa/sembung	<i>Blumeria balsamifera</i>

Jadual 5: Pokok Renek (Bijirin)

Bil.	Nama tempatan	Nama botani
1.	Padi	<i>Oryza sativa</i>
2.	Jagung	<i>Zea mays</i>

Jadual 6: Pokok Renek (Bunga)

Bil.	Nama tempatan	Nama botani
1.	Sulur bakung	<i>Crinum asiaticum</i>
2.	Bunga raya	<i>Hibiscus rosa sinensis</i>

Jadual 7: Pokok Renek (Pelbagai)

Bil.	Nama tempatan	Nama botani
1.	Tebu	<i>Saccharum officinarum</i>
2.	Aur	<i>Ficua villosa</i>
3.	Mengkuang	<i>Benstonea atrocarpa</i>
4.	Rumbia	<i>Metroxylon sagu</i>

Jadual 1 hingga jadual 7 di atas menyenaraikan semua istilah tempatan yang terdapat dalam tiga cerita lipur lara. Istilah-istilah tempatan untuk tumbuh-tumbuhan tersebut dipadankan dengan nama botaninya. Jadual dibahagikan kepada dua kelompok, iaitu pokok saka dan pokok renek. Pokok renek itu pula dibahagikan kepada enam, iaitu buah, sayur, bunga, herba, bijirin, dan pelbagai.

b. Kekerapan istilah botani dalam tiga cerita lipur lara

Berdasarkan istilah botani yang terdapat dalam ketiga-tiga buah cerita lipur lara ini, kekerapan yang hadir dalam cerita dapat dilihat melalui jadual di bawah. Jadual kekerapan mengikut dua pengkategorian botani, iaitu jenis saka dan renek. Dalam jadual, CMD, CSR, dan CRM merupakan singkatan yang masing-masing merujuk kepada Cerita Malim Deman (CRD), Cerita Seri Rama (CSR), dan Cerita Raja Muda (CRM).

Jadual 8: Pokok Saka

Bil.	Nama tempatan	CMD	CSR	CRM	Jumlah
1.	Nyiur gading	7	2	14	23
2.	Pinang	6	1	2	9
3.	Tualang	-	5	-	5
4.	Bemban				3
5.	Cendana	-	3	-	3
6.	Meranti				2
7.	Angsana				1
8.	Kepayang	-	1	-	1
9.	Campa	1	-	-	1
10	Beringin	-	1	-	1
11	Pulai	1	-	-	1

Jadual 9: Pokok Renek (Buah)

Bil.	Nama tempatan	CMD	CSR	CRM	Jumlah
1.	Pisang	1	5	1	7
2.	Pauh / Mempelam	1	4	-	5
3.	Betik	1	-	3	4
4.	Anggur/Zabib	2	-	-	2
5.	Delima	1	-	1	2
6.	Piama	-	-	1	1
7.	Nanas	1	-	-	1

8.	Petola	1	-	-	1
9.	Selasih	1	-	-	1
10.	Nangka	-	1	-	1
11.	Duku	-	1	-	1

Jadual 10: Pokok Renek (Bijirin)

Bil.	Nama tempatan	CMD	CSR	CRM	Jumlah
1.	Padi	6	-	-	6
2.	Jagung	2	2	-	4

Jadual 11: Pokok Renek (Sayur)

Bil.	Nama tempatan	CMD	CSR	CRM	Jumlah
1.	Bayam	-	4	-	4
2.	Terung	-	-	2	2
3.	Keladi	-	-	1	1
4.	Maman	1	-	-	1

Jadual 12: Pokok Renek (Herba)

Bil.	Nama tempatan	CMD	CSR	CRM	Jumlah
1.	Sirih	21	8	6	35
2.	Kunyit	4	5	2	11
3.	Serai	3	-	2	5
4.	Ganja	-	2	-	2
5.	Tembakau	-	1	-	1
6.	Gambir	-	1	-	1
7.	Capa	1	-	1	1
8.	Kesumba	1	-	-	1

Jadual 13: Pokok Renek (Bunga)

Bil.	Nama tempatan	CMD	CSR	CRM	Jumlah
1.	Bunga	13	4	-	17
2.	Sulur bakung	3	6	1	10
3.	Bunga raya	1	-	1	2

Jadual 14: Pokok Renek (Pelbagai)

Bil.	Nama tempatan	CMD	CSR	CRM	Jumlah
1.	Tebu	1	-	1	2
2.	Mengkuang	2	-	-	2
3.	Rumbia	1	-	-	1
4.	Aur	1	-	-	1

Berdasarkan jadual 8 hingga jadual 14, kekerapan setiap istilah botani dalam ketiga-tiga cerita lipur lara dicatatkan. Jadual 8, iaitu kategori pokok saka menunjukkan istilah Nyiur Gading mencatatkan jumlah kekerapan tertinggi, iaitu 23. Jadual 9 pula mencatatkan jumlah pokok renek 'pisang' sebagai tertinggi, iaitu tujuh kali. Dalam jadual 10, pokok renek jenis bijirin yang mencatatkan jumlah tertinggi ialah padi, iaitu 10. Sementara dalam jadual 11, catatan kekerapan tertinggi untuk pokok renek jenis sayur ialah bayam, iaitu empat kali. Kegunaan sirih yang pelbagai fungsinya dapat dibuktikan dengan kehadirannya dalam ketiga-tiga teks sebanyak 35 kali dalam jadual 12. Dalam jadual 13, istilah botani 'bunga' hadir sebanyak 17 kali dan 'sulur bakung' hadir sebanyak 10 kali. Dalam jadual 14, tebu dan mengkuang mencatatkan kekerapan tertinggi, iaitu masing-masing mencatatkan sebanyak dua kali hadir dalam semua teks.

c. Kepentingan botani dalam kehidupan masyarakat Melayu

Keterbatasan ruang menyebabkan kepentingan botani dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu dibahaskan hanya melalui dua data terpilih yang diambil dalam teks cerita lipur lara Melayu. Walaupun hanya meneliti dua data sahaja tetapi melibatkan analisis enam istilah botani.

Data 1


Maka datanglah temenggung, laksamana, orang kaya besar mengadap kepada Raja Seri Rama:

Dari jauh menjunjung duli,
Sudah dekat langsung menyembah,
Terangkat kadam jari sepuluh,
Kuncup seperti **sulur bakung**,
Jari seperti susun **sirih**

(Osman, 2007:8)

Berdasarkan data 1, temenggung, laksamana, dan orang kaya besar datang mengadap Raja Seri Rama. Dalam adat menjunjung duli sewaktu mengadap Raja Seri Rama, perlakuan temenggung, laksamana, dan orang kaya besar sangat tertib dan bersopan. Mereka duduk bertenggul dengan mengangkat kedua-dua tangan yang ditemukan tapaknya, dirapatkan semua jari-jarinya dan diletakkan di hujung hidung. Selanjutnya, ungkapan 'kuncup seperti sulur **bakung**' dan jari seperti susun **sirih**' berfungsi sebagai analogi kepada adat menjunjung duli tersebut. Daun sirih berbentuk bundar atau bujur telur. Bahagian hujung daun tajam, manakala bahagian pangkal daunnya berbentuk jantung dan bahagian tepi permukaan daun rata. Selain itu, bentuk sulur bakung dan sirih yang disusun akan meruncing dan tajam ke hadapan seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1 di bawah (Zakaria dan Jalaluddin, 2020).

Rajah 1: Hujung yang tirus pada sirih, sulur bakung dan tangan



(Sumber: Zakaria dan Jalaludin 2020: 115)

Persamaan bentuk daun sirih dan sulur bakung yang hujung tirus dan runcing dianalogikan dengan kemiripan hujung yang tirus dan runcing pada tapak tangan sewaktu mengangkat sembah. Pemilihan sirih dan sulur bakung ini bukan berlaku secara semberono. Dalam masyarakat Melayu dahulu, Bakung biasanya ditanam sebagai tanaman hiasan di halaman rumah, manakala sirih pula biasa ditanam di bahagian belakang rumah. Keduanya juga mempunyai pelbagai fungsi dan manfaat, khususnya dalam amalan perubatan tradisional. Berikut merupakan manfaat sirih dan Bakung dalam dunia Melayu. Maklumat yang lain berkaitan sirih dan Bakung seperti di bawah:

Sirih

Sirih turut digunakan untuk menaikkan seri pengantin yang lazimnya dilakukan oleh mak andam. Dalam masyarakat Melayu tradisional, Mak andam akan menjampi mantera tertentu untuk sirih tersebut. Sirih itu juga telah diletakkan ramuan tertentu di dalamnya sebelum diberikan kepada pengantin untuk dimakan. Dalam pembedahan batin, sirih digunakan sebagai ubat tahan sakit setelah selesai pembedahannya (Tamdjis, 2019).

Selain berfungsi dalam perubatan, sirih turut digunakan sebagai pemanis muka. Masyarakat Melayu sering menggunakan sirih pinang dengan jampi tertentu (Ismail, 2013) untuk tujuan menaikkan seri cahaya muka atau pemanis muka (Daud, 2001). Kepelbagaian manfaat sirih dalam perubatan Melayu tidak dapat dipertikaikan lagi. Sirih digunakan untuk melegakan demam dan menyembuhkannya (Aman, 2008), meredakan batuk dan sakit perut, antiradang, merangsang saraf pusat, meredakan dengkur, mencegah ejakulasi awal, keputihan, menghentikan pendarahan dan menguatkan gigi (Khamis et al. 2003; Syukur, 2006; Hermani et al. 2006; Samy et al. 2009; Bulat, 2012). Nama botaninya *Piper Bettle L.* Sirih tergolong dalam keluarga *Piperaceae*. Lada hitam adalah dalam kelompok keluarga yang sama dengan sirih (Khamis et al., 2003). Daun sirih adalah tunggal, berbentuk leper dan menyerupai jantung, berbentuk hati dan meruncing di bahagian hujungnya (Ismail, 2007), permukaannya licin dan bewarna hijau tua (Koleksi khasiat herba, 2008).

Selain itu, Zakaria dan Jalaludin (2020) telah menitikkan bahawa sirih penting dalam masyarakat Melayu kerana sirih lebih merupakan satu simbol, iaitu simbol cahaya. Daud (2001) telah menyatakan bahawa simbol cahaya itu digunakan untuk merujuk kepada cahaya sirih. Rasionalnya mengikut kepercayaan masyarakat Melayu tradisional, apabila dimakan sirih akan menjadikan rupa paras atau wajah pengamalnya berseri-seri. Pemilihan sirih itu sendiri lantaran keistimewaan sifat botaninya yang memanjat dan memerlukan sandaran. Walaupun memerlukan sandaran untuk hidup, namun tidak merosakkan tempat ia bersandar. Hal ini berbeza dengan pokok api-api yang juga memerlukan sandaran untuk hidup tetapi pada masa yang sama merosakkan tempat sandarannya (Mohd. Said, 1983). Tanpa sedar, sirih turut menjadi simbolik kepada amalan memuliakan orang lain lantaran tidak merosakkan atau membinasakan bahan sandaran.

Bunga

Dalam masyarakat Melayu dahulu, bunga digunakan untuk upacara mandi bunga yang lazimnya melibatkan tujuh jenis bunga. Bunga yang dikutip akan diperasap dengan kemenyan dan dibacakan mantra untuk mengembalikan tenaga supaya pengantin nampak cergas dan naik seri wajahnya (Tamdjis, 2019). Air bunga-bunga itu akan dicurahkan dari kaki hingga ke kepala. Zakaria dan Jalaludin (2020:118) telah memperkatakan perihal bunga yang lebih khusus, iaitu bunga Bakung. "Bakung merupakan sejenis bunga dalam keluarga *Amaryllidaceae*. Di Malaysia, bunga ini juga dikenali sebagai herba jenis bebawang. Bunganya berbentuk serumpun yang terletak di hujung batang bunga yang besar dan panjang berwarna hijau (*Ensiklopedia Malaysiana*, 1996). Satu jambak bunga mempunyai 10 hingga 50 kuntum bunga. Bunga ini berwarna putih dan akan berbau wangi pada waktu malam. Bunganya mengandungi *saponin*, *flavonoid* dan *tannin*, manakala akar dan daunnya mengandungi *alkoid*, *saponin*, *flavonoid* dan *poplyphenol*. Nama botaninya ialah *Crynum asiaticum* L. Ketinggian pokok bakung ialah 2 meter. Bebawang pokok ini digunakan sebagai ubat salap bagi tujuan sakit kulit (Ong, 2008).

Data 2

Setelah baginda kedua laki isteri mendengarkan sembah anakanda baginda itu, sangatlah dukacita hati baginda seraya bertitah, "Wahai anakanda cahaya mata ayahanda, tiadalah ayahanda bonda benarkan anakanda berangkat pergi, kerana anakanda belum biasa berjalan di dalam hutan rimba belantara yang besar; lagi anakanda pun baharu:

Umur setahun **jagung**,
Darah setampuk **pinang**,
Besar di bawah **pisang** goyangan,
Besar di bawah **tebu** berlingkar."

(Osman, 2007: p. 196)

Data 2 di atas merupakan titah Raja Bandar Muar, iaitu Tuanku Gombang Malim Dewa dan permaisurinya Tuan Puteri Lindungan Bulan apabila puteranya, Tuanku Malim Deman memohon izin untuk berjalan ke hulu negeri Bandar Muar. Perjalanan itu dikhabarkan untuk berburu rusa, kijang, pelanduk, dan napuh. Ayahanda dan bonda Tuanku Malim Deman tidak mengizinkan puteranya keluar kerana menganggap puteranya masih muda. Pemilihan

istilah botani seperti jagung dan pinang diambil sebagai kiasan umur yang masih muda tersebut. Pemilihan istilah botani ini juga kerana masyarakat Melayu menggunakan jagung, pinang, pisang, dan tebu sebagai makanan dan bahan perubatan tradisional. Jagung ditanam sebagai sumber bijirin masyarakat Melayu dan bertepatan dengan peribahasa “berjagung-jagung dahulu sebelum menunggu padi masak”. Jangka hayat penanaman pokok jagung yang tidak selama jangka hayat pokok padi. Pokok padi akan dituai setelah 110 hari penanamannya (Jabatan Pertanian Malaysia, 2022). Sementara itu, jagung boleh dituai setelah 68-72 hari selepas ditanam (Jabatan Pertanian Pulau Pinang, t.t). Tebu pula boleh dituai dan matang setelah lapan bulan ditanam (MARDI, 2012).

Pinang dijadikan rencah dalam sirih yang dimakan bersama-sama kapur dan gambir (Zakaria, 2002). Ungkapan “darah setampuk pinang” juga menggambarkan umur Tuanku Malim Deman yang muda kerana “setampuk pinang”, saiznya tidaklah besar. Warna darah dan warna air daripada buah pinang seakan-akan sama, iaitu berasaskan warna merah. Analogi air yang sedikit dan terhasil dari buah pinang yang hanya sebesar telur ayam, mempunyai ukuran 3-5 cm X 5-10 cm dikiaskan dengan darah Tuanku Malim Deman yang sedikit berbanding darah seorang dewasa. Orang dewasa yang normal mempunyai lebih kurang 4-5 liter darah dalam badan (Pusat Darah Negara, t.t). Kandungan darah remaja dan kanak-kanak separuh daripada kandungan darah orang dewasa (Yani, 2023).

Pemilihan unsur botani pisang dan tebu yang terdapat dalam data 2 pula menggambarkan Tuanku Malim Deman masih berada dalam lingkungan dan pemeliharaan kedua-dua ayahanda dan bondanya melalui ungkapan “besar di bawah pisang goyangan, besar di bawah tebu berlingkar”. Pokok Pisang mengeluarkan bunga atau mempunyai jantung 9-10 bulan selepas ditanam dan buahnya dipetik 7-12 bulan kemudiannya (Aman, 1999). Selain itu, tebu merupakan sumber manisan dalam masyarakat Melayu dan mengambil masa enam bulan untuk dituai batangnya (Ensiklopedia Global 2001). Jika pisang dan tebu ini melepasi masa tuaian masing-masing, maka pisang yang telah lama hidup memerlukan sokongan kayu untuk tegak dan tebu yang dibiarkan panjang melebihi 2-2.5 meter tinggi menyebabkan batangnya berlingkar. Pendengar dan penonton cerita lipur lara mampu menginterpretasi bahawa Tuanku Malim Deman membesar dengan adanya bantuan dan perlindungan daripada ayahanda dan bondanya apabila disajikan dengan ungkapan “pisang goyangan” dan “tebu berlingkar”. Titah Tuanku Malim Deman yang melibatkan ungkapan “pisang goyangan” dan “tebu berlingkar” ini menunjukkan bahawa baginda telah melebihi usia matang sehingga menyebabkan pisang telah bergoyang dan tebu juga telah berlingkar. Secara tersiratnya, baginda ingin menyampaikan hasrat bahawa telah sampai masanya untuk baginda ke luar dari istana, menambah ilmu dan pengalaman. Maklumat lanjut berkaitan istilah botani; jagung, pinang, pisang, dan tebu lebih tertumpu kepada pokoknya seperti berikut:

Jagung

Jagung merupakan makanan utama untuk manusia dan haiwan (Aman, 2016). Jagung daripada keluarga Gramineae sama dengan tanaman bijirin seperti gandum, padi, dan sekoi. Tanaman ini ialah tanaman semusim monoesius yang mempunyai bunga jantan dan bunga betina yang berasingan pada pokok yang sama. Daunnya tersusun secara berselang pada bahagian batang (Jabatan Pertanian Malaysia, 2008). Batangnya lurus, mempunyai buku yang tebal di bahagian bawah dan tingginya boleh mencapai sehingga 4.5 meter. Batang jagung tidak mempunyai cabang. Daunnya berbentuk lamina panjang dan hujung daun

berbentuk akut. Daunnya juga mempunyai bulu halus di permukaan (Jabatan Pertanian Pulau Pinang, t.t). Jarak tanaman yang disyorkan bagi penanaman secara manual ialah 45 cm antara baris dan 60 cm dalam baris. Biji benih ditanam sedalam 3-5 cm bergantung kepada keadaan tanah dan cuaca. Tongkol-tongkol jagung bagi kultivar-kultivar komposit yang disyorkan boleh dituai di antara 60-70 hari selepas tanam. Jagung hibrid seperti *Honey Jean* No. 2 berbunga lebih awal dan mula dikutip 60 hingga 65 hari selepas ditanam. Tongkol jagung sesuai dikutip sebagai jagung segar apabila kernalnya telah mencapai saiz maksimum tetapi belum menunjukkan tanda kecut. Tongkol jagung pada peringkat ini mempunyai rerambut yang berwarna perang (Jabatan Pertanian Malaysia, 2008). Jagung jenis biasa boleh dituai selepas 68-72 hari ditanam (Jabatan Pertanian Pulau Pinang, t.t).

Dalam masyarakat Melayu, jagung muda boleh digunakan untuk melawaskan pembuangan air kencing, manakala tongkolnya boleh dijadikan ramuan untuk ubat sakit perut dan penyakit batu karang. Jagung muda berguna untuk menghapuskan kesan parut di muka. Janggut jagungpun ada gunanya. Janggut jagung dijadikan serbuk seperti teh untuk merawat saluran kencing, buah pinggang, atau sakit yang berkaitan 'sakit puan' dan 'sakit tuan' (Aman, 2016). Dalam al-Quran, terjemahan surah Al-Qaf (ayat 6,7,8), Allah telah memerintahkan manusia supaya memerhati kejadian langit dan bumi. Dalam ayat ini juga, Allah memerintahkan manusia supaya memerhatikan hujan dan tanaman pokok buah-buahan dan bijirin yang diketam seperti padi, gandum dan jagung (Basmeih, 1994).

Pokok Pinang

Pokok pinang atau nama botaninya *Areca catechu* merupakan spesies tumbuhan palma yang tumbuh di kawasan tropika Pasifik, Asia, dan Afrika timur (Nurdiyannah 2024). Pokoknya bersaiz sederhana dengan ketinggiannya mencecah 20 meter, dengan diameter batangnya setebal 20-30 sm. Daunnya berukuran 1.5-2m panjangnya, berbucu tajam, dan terdiri daripada anak daun yang banyak bilangannya. Di bahagian jemala (crown), pokok ini berbentuk bulat dan berwarna hijau semasa muda dan apabila masak ia menjadi kuning dan merah. Biji pinang pula berbentuk seperti telur. Buah pinang ini mengandungi bahan alkaloid yang unik seperti arekaina dan arekolina yang memberikan rasa tertentu apabila dikunyah (*Khasiat buah pinang*, 2022). Tanaman pinang mampu mencecah usia sehingga 60 hingga ke 100 tahun. Buah pinang berwarna hijau ketika masih muda, dan berubah menjadi warna jingga atau merah kekuningan setelah masak (Kamaruddin & Ahmad Zakaria, 2024).

Perlambangan buah pinang dalam mantera "Seri pinang naik ke muka" menggambarkan keturunan yang baik, budi pekerti jujur serta memiliki darjat yang tinggi, bersedia melakukan pekerjaan dengan hati terbuka dan bersungguh-sungguh. Keadaan ini dianalogikan dengan sifat pokok pinang yang tinggi, lurus ke atas, dan mempunyai buah yang lebat dalam satu tandan. Selain itu, khasiat buah pinang muda bukan sahaja boleh melicinkan kulit dan menaikkan seri pada wajah, tetapi juga dipercayai berupaya memberi semangat dan keyakinan kepada seseorang untuk tampil di khalayak (Rusidin & Hamid, 2015).

Buah pinang amat penting dalam adat perkahwinan orang elayu serta orang India (Saidin, 2013). Simbolik buah pinang merujuk kepada lelaki, dipasangkan dengan daun sirih yang disimbolkan kepada orang perempuan dalam masyarakat tertentu. Hal ini merujuk kepada interpretasi masyarakat Melayu dahulu yang menggambarkan struktur kemaluan lelaki yang mempunyai dua buah zakar (Millen, 2024) yang diumpamakan seperti buah

pinang. Sirih pula diinterpretasi dengan bentuk bahagian luar kemaluan perempuan (faraj) (Md Isa, 2022) yang menyerupai bentuk daun sirih, iaitu leper dan menyerupai jantung, berbentuk hati dan meruncing di bahagian hujungnya (Ismail, 2007). Biji dan buah pinang mempunyai nilai perubatannya yang tersendiri dan sering digunakan dengan jampi serapah (Saidin, 2013). Buah pinang dikatakan mengandungi kuantiti besar tannin iaitu lebih kurang 15 peratus tannin merah dan 14 peratus lemak. Selain itu, buah ini juga memiliki kandungan asid gallic, lignin, minyak meruap, dan pelbagai bahan saline dan alkaloid seperti arekolin. Arekolin ialah penghapus parasit dan cacing. Air dari buah pinang muda dipercayai mampu mengubati darah dalam air kencing serta mengurangkan rabun bila dititik pada kornea (Khasiat buah pinang, 2022).

Pisang

Pisang dikatakan berasal dari Asia Tenggara. Buah ini boleh dinikmati secara mentah dan segar (Sunarjono & Mohd. Anis, t.t.). Dalam masyarakat desa dan tradisional, pisang turut dijadikan sayuran yang sangat digemari. Buah pisang dan jantung pisang dimasak mengikut resepi yang digemari sebagai hidangan keluarga (Saidin, 2020). Buah pisang yang masih muda boleh dibuat kerepek dan tepung yang mempunyai harga yang mahal (Sunarjono & Mohd. Anis).

Pokok pisang ini juga boleh dikategorikan pokok pelbagai guna (Shafique & Anwar, 2011). Selain buahnya, banyak bahagian pokoknya yang boleh dimanfaatkan. Bunga dan jantungnya boleh dijadikan sayuran. Daun pisang dijadikan pembungkus makanan. Lazimnya, penggunaan daun pisang akan menimbulkan aroma tertentu yang menaikkan selera seseorang. Daun pisang yang telah tercarik atau koyak boleh dijadikan sumber makanan haiwan lain seperti lembu dan kerbau, selain daripada boleh dijadikan bahan kompos (Suyanti & Supriyadi t.t). Selain itu, daun pisang juga boleh dijadikan pembalut ubat-ubatan bagi merawat otot yang terseliuh dan patah tulang. Kulit buah pisang yang matang, jika dikisar dan dicampur dengan putih telur, dilumurkan ke muka akan menegangkan kulit muka. Getah anak pokok pisang juga berguna untuk menghentikan pendarahan dan menyembuhkan luka tersebut (Aman, 2016).

Kematangan pisang boleh diamati melalui tanda-tanda seperti; buah kelihatan berisi, bahagian tepi buah sudah tidak ada lagi, warna buah hijau kekuningan, dan tangkai di putiknya telah gugur. Tahap kematangan penuh mengambil masa setelah 100 hari keluarnya jantung (Ahmad Supriyadi t.t). Dari perspektif Islam, Allah menyediakan buah pisang di dalam syurga dengan membawa perkhabaran pohon-pohon pisang yang bersusun-susun (buahnya) (Tafsir pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran, 56:29), (Mahy al-Din, 1992). Pisang sering diambil oleh individu yang sedang berdiet menggantikan nasi. Buah-buahan perlu diambil dalam kuantiti yang betul agar badan mendapat manfaat yang optimum. Antara buah yang tersenarai dalam al-Quran ialah pisang (Ibrahim et al., 2022).

Talh (pisang) mengandungi dua maksud, iaitu merujuk kepada pokok yang tumbuh di kawasan Hijaz dari spesies pokok al-Sumurah (akasia tortilis) dan pokok Umm Ghailan (Manzur (1999) dalam Ibrahim et al., 2022). Maksud lain bagi perkataan Talh merujuk kepada pengkhobaran cerita (Al-Darwish 1992). Jika diteliti daripada aspek penggunaan bahasa Arab, perkataan talh dilihat menjelaskan pengkhobaran cerita berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah al-Waqiah (ayat 29) yang bermaksud: "Dan pohon-pohon pisang yang bersusun-susun (buahnya)". Dapatlah disimpulkan bahawa perkataan Talh dan Mandhud melibatkan gabungan dua perkataan yang menceritakan keadaan buah pisang

dalam syurga (Ibrahim et al., 2022). Justeru, Anuar, (2016) menyatakan bahawa keindahan buah pisang dalam ayat al-Qur'an tersebut bukan sekadar mempamerkan aspek buah semata-mata, malah menggambarkan keadaan buah pisang yang tersusun rapi susunan tandan atau sisir buahnya dan tidak bertaburan. Penghuni syurga bersenang-senang di bawah teduhan pohon ini dan ia banyak memberi manfaat kepada mereka serta buahnya boleh dimakan. Oleh itu, perkataan Talh adalah tepat untuk mendefinisikan makna pisang yang sebenar dalam al-Qur'an berbanding dengan perkataan lain.

Tebu

Tebu banyak ditanam di negara berhawa panas seperti Malaysia, Indonesia, Hawaii, Cuba, dan kepulauan Hindia Barat (Ensiklopedia Dunia Melayu, 1997). Antara spesies yang agak popular dalam masyarakat Melayu ialah tebu telur. Bunganya boleh dimakan sebagai ulam, dimasak lemak atau dijadikan ramuan dalam sup sayur atau ramuan sayur campuran (Saidin, 2020). Tebu merupakan tanaman utama untuk penghasilan gula. Batang tebu panjang dan kadang-kadang melebihi enam meter panjang. Batangnya beruas-ruas. Tebu boleh dibahagikan kepada tiga jenis mengikut warna batangnya, iaitu tebu hitam, kuning, dan hijau. Daun tebu panjangnya kira-kira 1.6 meter dan pangkal daunnya dikeluarkan pada setiap buku ruas bahagian atas batangnya sebelah-menyebelah hinggalah ke bahagian pucuk. Pokok tebu hidup dalam rumpunan dan sentiasa mengeluarkan anak benih pada bahagian pangkal rumpun atau umbinya. Tebu matang setelah berumur enam bulan tetapi lebih baik dibiarkan sehingga mencapai ketinggian 2 hingga 2.5 meter. Pemiakan tebu melalui batang dan pucuknya. Selain dibulat gula, air daripada tebu boleh diminum (Ensiklopedia Dunia Melayu, 1997).

Berdasarkan penulisan Jalaluddin (2014), bentuk tebu yang maujud memperlihatkan strukturnya yang mempunyai daun yang tajam, kasap/miang dan mempunyai kulit yang keras dan liat. Tebu juga dapat menghasilkan air yang manis dan enak rasanya. Air tebu boleh dihasilkan melalui dua kaedah, iaitu secara praktikal dan manual. Secara praktikal, mesin tebu digunakan untuk menghasilkan kuantiti air yang banyak, sementara perlakuan mengunyah tebu menggunakan gigi hanya bermanfaat untuk si pelakunya sahaja dan tidak dapat menghasilkan kuantiti air yang banyak. Dalam kehidupan masyarakat Melayu dahulu terutamanya di kampung-kampung, tebu ditanam secara berkelompok untuk dijadikan manisan (gula). Proses 'mengilang tebu' mengambil masa beberapa hari. Orang kampung akan berkumpul untuk menebang dan memproses tebu. Cara memproses tebu untuk menghasilkan airnya menggunakan dua batang balak yang diletakkan bertindan. Orang Melayu akan menyediakan ruang yang boleh dibuka dan ditutup. Ruang ini akan terbuka untuk tebu dimasukkan antara dua batang balak tersebut dan akan ditutup ruangnya untuk menghimpit batang tebu. Penggunaan tenaga orang lelaki untuk menggerakkan batang balak akan mengeluarkan air dari batang tebu yang di'gilis'. Air tebu yang ditadah menggunakan kawah besar akan dimasak untuk dijadikan manisan (gula). Manisan ini dimasak hingga likat dan dibekukan dalam bentuk bulatan seperti gula kabung. Proses menghasilkan manisan daripada air tebu ini didapati daripada temu bual dengan seorang responden yang berusia 73 tahun. Secara jelasnya, dalam masyarakat Melayu disebabkan rasanya yang manis, tebu bukan sahaja menjadi bahan pemanis tetapi turut menjadi simbolik kepada pertumbuhan dan kemakmuran kerana sifat tebu itu sendiri yang mudah hidup dan batangnya banyak dalam serumpun.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini berjaya mengenal pasti sebanyak 39 istilah botani yang terdapat dalam tiga cerita lipur lara Melayu, iaitu Cerita Seri Rama, Cerita Malim Deman, dan Cerita Raja Muda. Nyiur gading, pisang, padi, bayam, sirih, bunga, Sulur Bakung, dan tebu merupakan istilah botani yang menunjukkan kekerapan tertinggi berdasarkan ketagori yang telah dibuat. Selain menyenaraikan peristilahan botani yang wujud dalam tradisi lisan ini, dapatan kajian juga dapat memberi kefahaman yang lebih mendalam kepada pembaca daripada aspek botani dan budaya masyarakat Melayu. Tidak cukup dengan itu, kehadiran unsur alam seperti botani ini sarat dengan falsafah yang tersendiri. Falsafah inilah yang perlu diteliti dan disebarikan kepada umum untuk membentuk kesefahaman sejagat bagi merealisasikan masyarakat madani.

Selain itu, pemilihan istilah botani ini memperlihatkan wujudnya keharmonian dan keseimbangan alam sekitar yang bergabung dengan perilaku watak-watak dalam cerita melalui analogi dan kias ibarat. Pengalaman hidup bersama-sama gerak hati menukikan pemilihan istilah dan unsur botani tersebut bukan sahaja mampu menyampaikan ilmu pengetahuan dan perasaan, atau simbolik kepada sesuatu dengan berkesan, tetapi turut menukikan budaya dan pemikiran masyarakat Melayu itu sendiri. Kajian akan datang yang menggunakan data cerita lipur lara Melayu ini bolehlah melihat istilah yang berkaitan dengan sumber alam yang lain seperti fauna dan cakrawala. Istilah yang berkaitan dengan alatan yang digunakan dalam pertarungan cerita-cerita lisan ini juga boleh dikaji.

Rujukan

- Abdul Ghani, R. & Darois, Z. (2001). Istilah sains teks bacaan umum. *Jurnal Rampak Serantau*, 8. <https://eseminar.dbp.gov.my/dokumen/rampak.pdf>
- Ahmad Supriyandi, S. (t.t). *Tanaman pisang* (edisi terkini). Synergy Media.
- Ahmad, A., Ardi, N., Ab Wahab, A. & Mansor, M. M. (2020). Peristilahan bahasa Melayu dalam Akta Kesalahan Seksual terhadap kanak-kanak 2017 (Akta 792). *Jurnal Bahasa*, 20(1), 151-172. <https://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/7877>
- Ahmad, H. (2006). Peristilahan bahasa Melayu: satu kajian sikap. *Jurnal Bahasa*, 6(3), 385-405. <https://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/8585/4091>
- Aman, R. (1999). *Buah-buahan Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aman, R. (2016). *Tanaman Berkhasiat Ubatan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amirul Razin, A.S, Vijayaletchumy Subramaniam dan Salleh, C. I. (2017). Peristilahan bidang fesyen daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. *Jurnal Mahawangsa (Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu)*, 4(2), 361-378. http://www.fbmk.upm.edu.my/upload/dokumen/20180724120938JURNAL_MAHAWANGSA_NOVEMBER_2017.pdf
- Bulat, K. (2012). Tumbuh-tumbuhan ubat dalam masyarakat tempatan: satu pendekatan awal. *Beriga*, 108, 24-38.
- Busu, F. (2003). *Memupuk bakat dan minat penulisan kreatif: teori dan proses*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Daud, H. (2001). *Mantera Melayu analisis pemikiran*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Ensiklopedia Dunia Melayu*. (1997). (Ed. 3). Piramid Perdana (M) Sdn. Bhd.
- Ensiklopedia Global*. (2001). Jil.4 & 16. SmartGenie Corporation Sdn. Bhd.
- Ensiklopedia Malaysiana*. (1996). (Ed. 2). Jil.15. Anzagain Sdn. Bhd.

- Hassan, R. (2010). *Unsur alam dalam puisi Melayu moden*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
<http://dx.doi.org/10.17576/gema-2020-2003-06>
- Ibrahim, S.Z, Yama, P. & Nasir, M.N. (2022). Manfaat buah-buahan terpilih dalam al-Quran dari perspektif hadis Nabi SAW dan sains. *HADIS*, 12(24), 18-26.
https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published_article/132757/Manfaat_Buah_buahan_Terpilih_dalam_al_Quran_dari_Perspektif_Hadis_Nabi_SAW_dan_Sains.pdf
- Ismail, M.R. (2013). Ilmu hikmah dalam kajian etnosains dan etnomatematik alam Melayu. Dlm. Mat Rofa Ismail (Peny.). *Etnosains dan etnomatematik alam Melayu*, 67-101. Penerbit Universiti Malaya.
- Jabatan Pertanian Malaysia. (2008). Pakej teknologi jagung manis.
https://www.doa.gov.my/doa/modules_resources/bookshelf/pt_tnmn_ldg_
- Jabatan Pertanian Malaysia. (2022). Rice check padi edisi 2022.
<https://epengembangan.doa.gov.my/tanaman/padi/pake/>
- Jabatan Pertanian Pulau Pinang. (t.t). *Kontan*.
https://jpn.penang.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=80:jagung-sp-9380&catid=25&Itemid=56&lang=ms
- Jalaludin, N.H. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamaruddin, S.F. dan Ahmad Zakaria, R.M. (2024). Manfaat sinergi penggunaan sirih dan pinang dalam perubatan tradisional: analisa terhadap manuskrip perubatan Melayu terpilih. *Jurnal Kajian Malaysia*. http://web.usm.my/km/earlyView/111_KM-OA-09-23-0133.R2.pdf
- Karim, N. S. (2000). *Bahasa Melayu dalam dekad 90-an*. Akademi Pengajian Melayu.
- Kasdan, J., Baharuddin, R. & Shamsuri, A.S. (2020). Covid-19 dalam korpus peristilahan Bahasa Melayu: analisis sosioterminologi. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 20(3), 221-241. <http://doi.org/10.17576/gema-2020-2003-13>
- Kasdan, J., Haroon, H. A, Che Pa, N. S, & Idrus, M. Z. (2017). Gandaan separa dalam terminologi bahasa Melayu: analisis sosioterminologi. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17(1), 183-202. <http://doi.org/10.17576/gema-2017-1701-11>
- Kasdan, J., Haroon, H.A, Che Pa, N. S., Roshimi, M. (2014). Kaedah alternatif membentuk padanan istilah: suatu pendekatan sosioterminologi. *Prosiding Symposium of International Language & Knowledge*, 15-16 Februari, Pulau Pinang, Malaysia.
- Khairul Anuar, M. (2016). Buah-Buahan dalam Al-Qur'an menerusi aspek bahasa Arab. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 3(2), 166-179.
https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published_article/94911/jsass_vol3bil2_013_khairulanuar.pdf
- Khamis, S., Abdul Manap, T. & Mohd. Yusoff, Mazina (Peny.). (2003). *Tumbuhan ubatan tradisional Malaysia*. Institut Biosains Universiti Putra Malaysia.
- Khasiat buah pinang sebagai perubatan tradisi. (2022). *Media Permata*.
<https://mediapermata.com.bn/khasiat-buah-pinang-sebagai-perubatan-tradisi/>
- Koleksi khasiat herba dan tumbuh-tumbuhan. (2008). Educations Matters Sdn. Bhd.
[kontan_jagung_manis_2008/pt_jagung_manis_2008.pdf](http://www.kontan.gov.my/kontan_jagung_manis_2008/pt_jagung_manis_2008.pdf)
- Mahy al-Din, a.-D. (1992). *I'rab al-Qur'an al-Karim wa Bayanuhu*. Daral-Yamamah.
- Manzur, I. (1999). *Lisan al-'Arab (The Arab's tongue)*. ed. Amin 'Abd al-Wahhab and Muhammad al-'Ubaydi. Dar Ihya'al-Turath al-'Arabi.

- MARDI. (2012). *Malaysia sasar eksport 2.7 juta batang tebu ke Dubai*. <https://blogmardi.wordpress.com/2012/05/07/malaysia-sasar-eksport-2-7-juta-batang-tebu-ke-dubai/>
- Margareta, Y., Simanjutak, H. Syahrani, A. (2022). Peristilahan rempah dalam masakan tradisional Dayak Kerabat. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa*, 11(7), 599-60. <https://doi.org/10.26418/jppk.v11i7.56134>
- Mat Dehan, A. A, Yaakob, N. A & Zakaria, J. (2014). Gerak kerja '5p' pembentukan istilah bahasa Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJEAL)* 1, 77-86. <https://journal.ump.edu.my/ijleal/article/view/421>
- Maznah Ismail. (2007). *Ensiklopedia herba: kegunaan & khasiat perubatan tradisi*. Anzagain Sdn. Bhd.
- Md Isa, A. (2022). *Ini keistimewaan sistem reproduktif wanita, kena belajar menghargainya*. <https://hellodoktor.com/kesihatan-wanita/wanita-lain/sistem-reproduktif-wanita/>
- Millen, M. M. (2024, Januari 19) Do you really know about the male reproductive system? WebMD. <https://www.webmd.com/sex-relationships/male-reproductive-system>.
- Mohamad, H. (2016). *Takrif kamus istilah dari perspektif pengguna*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad, H., Abdul Malek, N. K, Abd. Razak, N. H. (2020). Pembentukan istilah sains kesihatan oleh pengguna dalam teks umum bahasa Melayu. *GEMA Online®Journal of Language Studies*, 20(3), 96-112,
- Mohd. Said, Norhayati. (1983). *Sirih pinang: kumpulan essei budaya*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mono Rahardjo, H. & Alias, K. A. (2006). *Pembiakan Tanaman Herba*. Synergy Media Books.
- Nurdiyanah R. (2023, Julai 20). Buah Pinang warisan perubatan orang dulu-dulu. *Media Permata*. <https://mediapermata.com.bn/buah-pinang-warisan-perubatan-orang-dulu-dulu/>
- Ong, H. C. (2003). *Sayuran: khasiat makanan dan ubatan*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ong, H. C. (2011). *Sayuran 2: khasiat makanan dan ubatan*. Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Ong, T. (2008). *Rahsia Herba*. Alaf 21 Sendirian Berhad.
- Osman, M.T. (2007). *Cerita lipur lara*. Yayasan Karyawan.
- Othman, N.A. (2019). Analisis entri "a" kamus Thomas Bowrey 1701. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 259-284. [https://doi.org/10.37052/jb.19\(2\)no4](https://doi.org/10.37052/jb.19(2)no4)
- Pusat Darah Negara, (t.t). *Buku Informasi Pendermaan Darah Jom Derma Darah*. pdn.gov.my/Buku_Informasi_Pendermaan_Darah.
- Rusidin, H.M & Hamid, Z. (2015). Akal budi Melayu dalam mantera: analisis semantik kognitif. *Jurnal Melayu*, 14(2), 260-273. <http://ejournal.ukm.my/jmelayu/issue/view/710>
- Saidin, I. (2013). *Dalam dusun Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saidin, I. (2020). *Sayuran tradisional ulam dan penyedap rasa (edisi kedua)*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Samy, J., M. Sugumaran & Kate L.W. Lee. (2009). *Herbs of Malaysia*. Marshall Cavendish (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Shafique, U. & Anwar, J. (2011). *Bananas: a concise account*. Nova Science Publishers, Inc.
- Spencer, R. & Cross, R. (2020). *Plant names: a guide to botanical nomenclature*. CSIRO Publication.

- Sunarjono, H.H & Mohd. Anis, S. I (t.t). *Penanaman 21 jenis tanaman buah-buahan*. Synergy Media.
- Syukur, C. (2006). *Pembiakan tanaman herba*. Synergy Media Books.
- Tafsir pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran. (Abdullah Muhammad Basmeih). (1994). Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Tamdjis, N. (2019). *Mistik alam Melayu*. Patriots Publication.
- Timothy, U. & Gemma, B. (2014). *The kew tropical plant families identification handbook* (second edition). Kew Publishing.
- Yani, I. F. (2023). *Sederet fakta menarik tentang darah manusia*. <https://hellosehat.com/kelainan-darah/fakta-tentang-darah/>
- Zakaria, S. (2002). *Masa dalam kerangka pemikiran masyarakat Melayu: kajian makna teks klasik dan moden*. [Tesis sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakaria, S. dan Jalaludin, N. H. (2020). *Konsep Ruang dalam cerita lipur lara Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zubir, Z. & Md Daud. M. (2014). Peristilahan dalam bidang saintifik. *Journal of Human Development and Communication*, 3(Special Issue), 93-113.